

**KENYATAAN DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
31 JANUARI 2023**

---

**1. PELANTIKAN AHLI-AHLI MAJLIS**

Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan Syabas dan tahniah kepada semua Ahli Majlis yang dilantik semula dan selamat datang kepada Ahli Majlis baru dilantik iaitu Puan Normahani Binti Muhamad bagi tahun 2023. Marilah kita mengekalkan budaya kerja berpasukan, budaya kerja proaktif, inovatif, inklusif akan pandangan rakyat bagi memberi perkhidmatan yang cemerlang seterusnya menjadikan Seberang Perai Bandar Aspirasi Masa Hadapan. Selamat berkhidmat dan tahniah atas pelantikan anda semua. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan yang telah diberikan oleh mantan Ahli Majlis Encik Muhamad Suzuki Bin Ahmad yang telah banyak memberi sumbangan kepada rakyat.

## **2. MBSP MENERIMA ANUGERAH TERHADAP PENCAPAIAN SEPANJANG TAHUN 2022 DARIPADA KERAJAAN NEGERI**

Pada 17 Januari 2023, telah berlangsung Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam bersama YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang di Dewan Sri Pinang.

Berdasarkan pencapaian MBSP pada tahun 2022, Sebanyak empat (4) pencapaian MBSP telah disenaraipendek dan membawa pulang wang tunai keseluruhan berjumlah RM 14,000.00 menerusi kejayaan berikut:

- i. *Malaysia's National Winner of the One Planet City Challenge (OPCC) bagi tahun 2021/2022.*
- ii. *Finalist National And Global Finalist of the One Planet City Challenge 2022.*
- iii. Tempat kedua *SDG Award* sempena *The 9th City Net Congress 2022.*
- iv. Tempat kedua bagi Inovasi Lingkaran *Bougainvillea* dalam pertandingan *National Scroll of Honour Award For Human Settlement 2022.*

Tahniah diucapkan kepada semua kakitangan MBSP serta penduduk Seberang Perai atas kejayaan ini.

### **3. MBSP MEMENANGI ANUGERAH EMAS DALAM MAJLIS ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS & ANTIRASUAH (AIGA) 2022**

Majlis Bandaraya Seberang Perai telah memenangi Anugerah Emas dalam Majlis Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2022 yang berlangsung di Auditorium Institut Integriti Malaysia (IIM), Kuala Lumpur.

Anugerah yang dimenangi oleh MBSP menunjukkan komitmen yang tinggi oleh Ahli Majlis, pengurusan tertinggi, ketua jabatan/bahagian/unit serta warga kerja MBSP terhadap pembudayaan dan pengamalan integriti dalam pentadbiran MBSP.

Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2022 diadakan bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada sektor awam dan swasta dalam melaksanakan sistem kawalan dalaman dan pengurusan integriti setiap organisasi.

Tahniah diucapkan kepada semua pihak Pengurusan Tertinggi serta kakitangan MBSP yang telah menjalankan tugas dengan berintegriti dan amanah.

## **5. MBSP MENERIMA *BRONZE AWARD***

Pada 16 Januari 2023, Projek Robina Eko Park - Kelestarian Alam Inspirasi Kejiranan Hijau telah menerima Bronze Award bagi kategori Placemaking & Public Space di anugerah MIPPEA 2022 ( Malaysian Institute PLanner President Excellence Award). Kategori ini disertai oleh 37 pencalonan.

## **6. TINDAKAN PENGUATKUASAAN TERHADAP RUMAH**

### **KEDIAMAN DIJADIKAN TEMPAT PERNIAGAAN**

Sepanjang bulan Januari ini, MBSP telah mengadakan beberapa OPS Premis/Penjaja Warga Asing di sekitar Taman Nagasari.

Hasil daripada penyiasatan, MBSP mendapati terdapat beberapa buah premis kediaman telah ditukar menjadi premis perniagaan tanpa kelulusan dan lesen yang sah daripada MBSP.

Melalui OPS tersebut, MBSP telah merampas dan menyita barangan perniagaan terhadap peniaga yang ingkar dan masih menjalankan perniagaan. MBSP juga telah mengeluarkan Notis Penutupan Premis di bawah Seksyen 101(1)(v) Akta Kerajaan Tempatan 1976. Selain itu, MBSP juga turut mengeluarkan notis menghentikan perniagaan kepada pemilik premis kediaman tersebut.

MBSP ingin mengingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai

untuk menjadikan perkara ini sebagai teladan dan pengajaran. MBSP juga berharap agar warga Seberang Perai dapat menyalurkan maklumat kepada MBSP sekiranya di kawasan sekitar kediaman penduduk Seberang Perai turut melakukan perkara yang sama.

## **7. PENGOPERASIAN KAUNTER BERPUSAT MBSP**

Majlis Bandaraya Seberang Perai ingin memaklumkan berkaitan operasi Kaunter Berpusat MBSP Bandar Perda pada **hari Sabtu dan Ahad dua minggu terakhir bulan Februari 2023, iaitu 18 & 19 Februari 2023 dan 25 & 26 Februari 2023** mulai jam 8.30 pagi sehingga 12.00 tengahari.

Selain itu, pada hari terakhir bayaran cukai taksiran iaitu **pada 28 Februari 2023, operasi bayaran di Kaunter Berpusat MBSP Bandar Perda dilanjutkan sehingga jam 8.00 malam** bagi memberi kemudahan bayaran kepada pelanggan dan *stake holders* melunaskan bayaran cukai taksiran MBSP bagi setengah tahun pertama 2023.

Walau bagaimanapun, Majlis Bandaraya Seberang Perai menggalakkan semua warga Seberang Perai untuk menggunakan

saluran Cyber Counter yang disediakan bagi memudahkan urusan bayaran.

## **8.MBSP MELARANG PEMAJUAN YANG BERLAWANAN DENGAN KEBENARAN MERANCANG YANG DILULUSKAN**

Pada 6 Januari 2023, Orang Kena Saman (OKS) iaitu sebuah pemaju perumahan telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Butterworth, Pulau Pinang atas **dua (2) pertuduhan** di bawah **Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976**.

Bagi pertuduhan **pertama** iaitu kesalahan di bawah seksyen 20, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) iaitu larangan terhadap pemajuan yang berlawanan dengan kebenaran merancang di mana hukuman denda diperuntukkan tidak melebihi RM500,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya dan berkenaan dengan sesuatu kesalahan yang berterusan, denda tambahan sehingga RM5,000.00 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

Bagi pertuduhan **kedua** iaitu kesalahan di bawah seksyen 28(2)

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) di mana hukuman denda diperuntukkan tidak melebihi RM100,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya dan berkenaan dengan sesuatu kesalahan yang berterusan, denda tambahan sehingga RM5,000.00 bagi setiap hari kesalahan kegagalan itu berterusan. OKS telah mengaku salah terhadap kedua-dua pertuduhan.

Oleh yang demikian, Mahkamah telah mensabitkan pertuduhan dan OKS dikenakan hukuman denda sebanyak RM55,000.00 bagi pertuduhan pertama dan bagi pertuduhan kedua, OKS dikenakan hukuman denda sebanyak RM20,000.00.

MBSP mengingatkan kepada semua pemaju termasuk seluruh warga Seberang Perai agar sentiasa mematuhi undang-undang dan tidak sewenang-wenangnya melanggar syarat pelan kebenaran merancang dan bertindak berlawanan dengan Pelan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan atas alasan apa sekalipun. Turut dinasihatkan agar kita semua mematuhi notis-notis yang telah dikeluarkan oleh MBSP.

## **9. OPERATION: CROW SHARPSHOOTER (OPS CROSS) MBSP**

**2023**

Susulan kejayaan tahun lalu, sukacita dimaklumkan bahawa MBSP akan meneruskan penganjuran Program Menembak Gagak, *Operation: Crow Sharpshooter* (OPS CROSS) MBSP bagi tahun 2023.

Untuk tahun ini, bilangan edisi akan ditambah kepada enam edisi berbanding tiga. Operasi akan dijalankan secara **dua (2) bentuk**;

- a. OPS CROSS Mini (Invitational) melibatkan seramai 15 penembak berlesen yang terpilih sebanyak 3 edisi pada 4 Februari 2023, 5 Mei 2023 dan 25 November 2023 meliputi seluruh kawasan seberang perai; dan
- b. OPS CROSS Mega (Open) yang terbuka kepada 78 orang penembak berlesen yang akan dijalankan sebanyak tiga (3) edisi:
  - i. Seberang Perai Tengah pada 17 Jun 2023
  - ii. Seberang Perai Utara pada 15 Julai 2023
  - iii. Seberang Perai Selatan pada 19 Ogos 2023

Sebanyak sekurang-kurangnya 15 lokasi hotspot telah dipilih bagi setiap edisi dan makluman lokasi akan dibuat di semua platform



media sosial MBSP dalam masa terdekat.

Untuk makluman, MBSP telah menerima lebih daripada 100 permohonan penyertaan sejak pendaftaran dibuka minggu lalu dan sedang dalam proses saringan dan *vetting*. Penembak yang layak akan dihubungi.

#### **10. PROJEK ZERO RODENT (ZORO) MBSP : RAT TO CASH**

Dimaklumkan bahawa MBSP akan menganjurkan program hapustikus bersama komuniti selama lima (5) hari bermula 31 Januari 2023 sehingga 4 Februari 2023.

Penduduk Seberang Perai boleh menangkap tikus perosak, sama ada hidup atau mati dan menghantarnya ke mana-mana hub pengumpulan pada masa dan lokasi berikut:-

<b>Tempat</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Masa</b>
Pasar Awam Bagan Ajam	31 Jan 2023	9.00 pagi
	-	-
Pasar Awam Bukit Mertajam	3 Feb 2023	12.00 tengah hari
Pasar Awam Tambun Indah		

Paun Simpanan Haiwan MBSP	31 Jan 2023 - 3 Feb 2023	3.00 petang - 4.30 petang
	4 Feb 2023	10.00 pagi - 5.00 petang

Ganjaran wang tunai sebanyak RM3.00 akan diberikan bagi setiap ekor tikus perosak yang dihantar dan kesemua tikus ini akan

diserahkan kepada *The Tropical Infectious Disease Research & Education Centre* (TIDREC) Universiti Malaya (UM) untuk tujuan kajian dan penyelidikan.

## **11. SAMBUTAN HARI THAIPUSAM**

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Thaipusam kepada penduduk Seberang Perai yang beragama Hindu dan diharapkan kemeriahan ini dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan. Hari Thaipusam disambut pada 5 Februari 2023 (Ahad) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**